

JPBBM mulakan operasi penguatkuasaan di premis

MIRI: Jawatan Pengurusan Bencana Bahagian Miri (JPBBM) melakukan operasi penguatkuasaan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) di Pasar Besar Krokop Lorong 10, pagi semalam.

Menteri bertanggungjawab terhadap JPBB Miri Datuk Lee Kim Shin berkata, pemantauan itu disertai pasukan PDRM, RELA, Angkatan Pertahanan Malaysia dan Unit Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Miri (MBM).

"Saya meminta agar kod QR MySejahtera diperbanyakkan di laluan masuk agar orang ramai tidak berdiri

lama untuk menunggu giliran mengimbas kod tersebut melalui aplikasi dalam telefon bimbit," katanya.

JPBBM tambahna, amat serius untuk memutuskan rantai pandemik ini dan kini menjadi tanggungjawab anggota masyarakat untuk memberikan kerjasama.

"MBM juga akan mula menempatkan pasukan penguat kuasa di kawasan tumpuan awam iaitu pasar, tamu dan pasar raya bagi tempoh dua minggu ini untuk memastikan aspek pematuhan SOP COVID-19 dipatuhi sepenuhnya orang awam, pemilik premis dan peniaga," tambahna.

Lee yang juga Menteri Pengangkutan Sarawak menjelaskan semasa pematuan itu, orang ramai sebelum memasuki pasar telah dipastikan untuk mengimbas kod QR.

Manakala mereka yang tiada aplikasi MySejahtera diminta mengisi bukurekod, pemakaian pelitup muka dan menggunakan cecair pembasmi kuman turut diperiksa.

Tanda arah masuk dan keluar turut ditandakan bagi memastikan orang ramai tidak berpusu-pusu di laluan yang sama dan mematuhi laluan yang telah ditetapkan.

utusan Borneo
05/11/20